



Rujukan : UKM BEN/224/8
Tarikh : 18 Februari 2019

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia,

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERATURAN PENERIMAAN DANA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pekeling seperti di lampiran ini dikeluarkan untuk makluman dan rujukan semua Pusat Tanggungjawab (PTj). Untuk makluman Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pekeling ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2019**. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pekeling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.


Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

NORINI BINTI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia




MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bnadahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/ 2019

PERATURAN PENERIMAAN DANA

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan peraturan penerimaan dana yang diterima oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi tujuan mengadakan program atau aktiviti rasmi Universiti.

2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan hasrat Universiti memperkasakan pendidikan negara, PTj adalah disarankan supaya mempergiatkan penganjuran program dan aktiviti yang mendatangkan impak yang tinggi khusus kepada pelajar dan Universiti. Namun usaha ini hendaklah dilaksanakan selari dengan peraturan yang telah ditetapkan. Usaha mendapatkan dana dari pihak-pihak tertentu bagi menjalankan program dan aktiviti rasmi adalah antara opsyen yang dilaksanakan pada masa ini dan dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu yang berkait dengan penyaluran dana ini yang harus ditangani oleh semua pihak, antaranya;

2.1. Tiada kelulusan melaksanakan program dan aktiviti rasmi

Tiada permohonan mengadakan program/ aktiviti rasmi dari pengurusan PTj. Program yang dilaksanakan juga tidak diketahui umum.

2.2. Ketirisan dan Kebocoran Hasil

Terdapat penyaluran dana yang tidak dimasukkan terus ke akaun Universiti sebaliknya disalurkan kepada akaun persendirian. Ini mengundang kepada ketirisan dan kebocoran hasil.

2.3. Penyaluran dana yang meragukan

Penyaluran dana dari sumber yang meragukan dan tidak dapat dikenalpasti tujuan dan program yang dijalankan.

2.4. Penyaluran dana yang tidak dikenalpasti

Jabatan Bendahari mengalami kesukaran dalam mengenalpasti kemasukan wang ke akaun Universiti. Hal ini terjadi apabila tiada pemakluman diberi oleh pihak penganjur apabila penyaluran telah dibuat oleh pihak pemberi dana.

2.5. Pembukaan akaun bank tanpa kelulusan

Pembukaan akaun bank menggunakan nama Universiti tanpa kebenaran dan kelulusan Jabatan Bendahari bagi tujuan penganjuran program dan aktiviti rasmi.

3. PELAKSANAAN

Bagi menangani isu yang dinyatakan dan memastikan peraturan kewangan dipatuhi, berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi oleh penganjur dan pengurusan PTj;

3.1. Pembukaan akaun program dan aktiviti rasmi

Sesuai dengan Buku Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan dan Pekeliling Bendahari Bil. 1/2017 Perkara 39 (1) Penyelenggaraan Akaun Universiti dan Perkara 110 (1) Penubuhan Akaun Amanah dan Subsidiari, PTj diingatkan supaya membuat permohonan melalui Ketua PTj bagi membuka akaun program/ aktiviti yang telah diluluskan oleh pengurusan PTj kepada Jabatan Bendahari dengan mengemukakan surat sokongan yang berkaitan.

3.2. Memaklumkan penyaluran dana yang diterima

Sebarang penyaluran dana mestilah dimaklumkan kepada Bahagian Kutipan Hasil, Jabatan Bendahari bagi pengeluaran resit rasmi. Surat pengecualian cukai akan dikeluarkan sekiranya dana yang diberi layak diberi pengecualian tertakluk kepada kelulusan Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Bagi mendapatkan maklumat tambahan, PTj juga boleh merujuk Pekeliling Bendahari Bil.13/2018 Tatacara Kelulusan Tolakan Cukai Kepada Penderma Yang Menyumbang Kepada Universiti Kebangsaan Malaysia Menurut Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

3.3. Mengenalpasti sumber dana yang diterima

PTj perlu berhati-hati dalam menerima dana pembiayaan agar tidak menyalahi Akta 613 Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

4. PEMATUHAN

PTj diingatkan supaya mematuhi semua perkara yang telah dinyatakan.

5. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 MAC 2019**.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM